



ABDULLAH Ahmad Badawi melambaikan tangan ke arah perwakilan selepas selesai menyampaikan ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung UMNO 2005 yang berakhir semalam.

DEB: Amaran keras kepada akhbar Cina

MM-24/7/2005

KUALA LUMPUR 23 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi amaran keras kepada akhbar-akhbar berbahasa Cina supaya tidak memainkan isu perkauman berkaitan ketetapan UMNO untuk menyuntik semula semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri berkata, akhbar Cina tidak wajar memainkan isu perkauman kerana UMNO tidak berniat untuk berkonfrontasi atau merampas hak kaum yang termaktub dalam Perlembagaan negara.

“Apa yang kita harapkan ialah usaha yang lebih gigih lagi untuk mencapai kemajuan Melayu seperti yang dihasratkan oleh DEB, itu yang telah diterima dulu, cuma ia, satu kerja yang belum selesai, jadi kita hendak selesaikan kerja ini.

“Tak pernah saya marah kaum lain. Saya hanya membuat teguran kepada kaum saya sendiri kerana saya mahu orang Melayu maju dan tidak mengha-

rapkan bantuan daripada mana-mana pihak.

“Jadi saya hendak katakan dengan tegas jangan sekali-kali mana-mana surat khabar menimbulkan isu perkauman di sini,” katanya.

Abdullah berkata demikian dalam ucapan penggulungannya di akhir Perhimpunan Agung UMNO ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu menyatakan, beliau dimaklumkan beberapa akhbar berbahasa Cina membangkitkan isu perkauman berikutan penekanan yang diberikan oleh Pergerakan Pemuda UMNO terhadap pelaksanaan baru semangat DEB.

Menurut beliau, kaum lain tidak perlu bimbang terhadap cadangan tersebut kerana UMNO melaksanakan perancangannya secara terbuka.

“Kita tidak berselindung di sebalik sebarang tabir, itu adalah pendekatan kita dan dan pihak bukan Melayu tidak perlu ada sebarang perasaan bim-

bang.”

Menurut Perdana Menteri, semua pihak harus memahami bahawa sebarang usaha yang dilakukan UMNO adalah dasar yang didukung oleh kerajaan.

“Kerajaan yang kita pimpin hari ini dengan perkongsian bersama kaum lain dalam Barisan Nasional (BN) adalah kerajaan yang bertanggungjawab.

“Kita sama-sama mendukung dasar termasuk dasar untuk memberi segala bantuan kepada orang Melayu Bumiputera.

“Faham baik-baik, ini dasar kerajaan dan kita hanya membincangkan pelaksanaannya,” kata beliau.

Sementara itu dalam sidang akhbar kemudiannya, Abdullah menegaskan, parti-parti komponen BN tidak perlu bimbang mengenai perkara tersebut.

Jelas beliau, ini bukan sesuatu perkara yang luar biasa kerana ia adalah perkara yang sama.

“Orang Melayu tahu bahawa DEB adalah usaha untuk mereka lakukan

dengan lebih baik, apa yang penting ialah pelaksanaan dasar ini bukan untuk mengambil hak orang lain tetapi untuk berkongsi kek yang telah diperbesar,” katanya.

Mengenai meritokrasi, Perdana Menteri memberitahu, kerajaan tidak berhasrat memberi tongkat kepada orang Melayu sebaliknya apa yang hendak dilakukan ialah untuk meningkatkan modal insan.

“Cara untuk meningkatkan lagi nilai modal insan ialah dengan meningkatkan latihan bukan sahaja di sekolah dan universiti tetapi juga latihan dalam pekerjaan.

“Dengan pendekatan yang diambil ini kemampuan serta keupayaan orang Melayu akan dipertingkatkan lagi,” katanya.

Abdullah menegaskan, orang Melayu perlu menghadapi meritokrasi yang penting untuk mereka.

“Orang Melayu tidak boleh menjauhi meritokrasi sebaliknya perlu menghadapinya dengan baik,” katanya.